



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 6 TAHUN 2009**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

**PERATURAN PEROLEHAN UBAT-UBATAN SECARA  
*COST, INSURANCE AND FREIGHT (CIF)***

**Tujuan**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan perolehan ubat-ubatan secara *Cost, Insurance and Freight (CIF)*.

**Tatacara Perolehan Secara CIF**

2. Peraturan semasa memberi kuasa kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan untuk meluluskan perolehan ubat-ubatan dan *consumables* yang berkaitan secara CIF sehingga RM500 ribu untuk setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Bagi mempercepatkan perolehan ubat-ubatan tersebut, Kementerian Kewangan bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan untuk meluluskan perolehan ubat-ubatan secara CIF seperti berikut:

- a) perolehan setiap jenis item ubat-ubatan dan *consumables* yang berkaitan sehingga RM10 juta untuk setiap PTJ;
- b) perolehan ubat-ubatan yang memerlukan perkhidmatan *cold chain* dibenarkan secara CIF tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai perolehan;
- c) bekalan ubat-ubatan dan *consumables* yang berkaitan hanya boleh diperolehi secara CIF setelah dipastikan ianya tidak boleh diperolehi secara tempatan. Agensi hendaklah memastikan bekalan tersebut diperolehi daripada agen sah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera dalam kod bidang berkaitan;
- d) sekiranya tidak terdapat agen sah bertaraf Bumiputera, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan diberi kuasa untuk meluluskan pembelian daripada mana-mana agen sah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;

- e) pembekal hendaklah dikenakan syarat wajib menggunakan perkhidmatan *Multimodal Transport Operator* (MTO) dan insurans daripada syarikat MTO dan insurans tempatan bertaraf Bumiputera yang dilantik/disenaraikan oleh Kementerian Kewangan. Perkhidmatan insurans dan MTO hendaklah bermula daripada *port of loading* hingga ke destinasi terakhir yang dinamakan oleh agensi;
  - f) sekiranya pihak berkuasa pembuat menetapkan peraturan perkhidmatan insurans dan pengangkutan hendaklah menggunakan perkhidmatan syarikat daripada negara tersebut, agensi diberi kelonggaran untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara berkenaan; dan
  - g) petender adalah dibenarkan untuk mengemukakan tawaran alternatif dengan maksimum tiga (3) tawaran bagi setiap item ubat-ubatan.
3. Syarat-syarat di atas hendaklah dinyatakan dengan jelas kepada pembekal dalam syarat-syarat perolehan dan dijadikan sebagai klausa dalam perjanjian kontrak.

#### **Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan**

4. Setiap Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab dalam memastikan semua urusan perolehan dilaksanakan mengikut peraturan dan dasar-dasar perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Unit Audit Dalam agensi adalah dikehendaki memantau pelaksanaan perolehan secara CIF agar agensi mematuhi peraturan ini.


#### **Kuat Kuasa dan Pembatalan**

5. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ianya ditandatangani. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP Bil. 18 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

#### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)**  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia

18 April 2009

s.k. Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara Malaysia  
Semua Pegawai Kewangan Negeri